

29 APR 1997

PARA PELABUR BSKL DIMINTA LIHAT SECARA POSITIF

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Walaupun pelbagai jaminan bahawa langkah berwaspada Bank Negara baru-baru ini dalam memperkenalkan garis panduan baru pemberian pinjaman bagi menyekat pasaran harta dan saham daripada keterlaluan, pasaran saham tempatan masih lembap hari ini.

Pada penutup, Indeks Komposit 100 saham bermutu Bursa Saham Kuala Lumpur jatuh 15.35 mata kepada 1,059.51. Saham turun mengatasi yang naik pada 553 berbanding 85 manakala 120 kaunter diniagakan tidak berubah.

Pasaran masih mengambil sikap tunggu dan lihat walaupun terdapat pengumuman perangkaan perdagangan yang meningkat apabila imbalan dagangan negara mencatatkan lebih sebanyak RM367.150 juta bagi Februari tahun ini berbanding dengan defisit RM102.9 juta pada Januari 1997.

Malahan kenyataan oleh Presiden BSKL Datuk Salleh Majid bahawa sudah tiba masanya bagi para pelabur institusi kembali ke pasaran untuk memulihkan kestabilan kepada harga saham yang menurun di bursa tempatan tidak begitu berkesan.

Ini walaupun kenyataan oleh Tan Sri Rashid Hussain, pengerusi Rashid Hussain Bhd, yang berkata ramalan masa depan BSKL terus positif dengan tiada perubahan di dalam asas-asasnya walaupun terdapat sentimen yang menurun sekarang.

Salleh memberi penjelasan mengapa pasaran masih tidak bergerak.

Katanya sungguhpun harga saham dianggap agak rendah, adalah sukar bagi pelabur runcit bergiat cergas di pasaran kerana kebanyakan daripada mereka "terlekat" dengan saham yang dibeli ketika harganya tinggi.

"Saya difahamkan kebanyakan daripada mereka terlekat, dan oleh yang demikian, mereka tidak terdaya memasuki pasaran, tetapi jika tiada yang menyertai pasaran (harga) tidak akan naik," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perasmian Kongres Kebangsaan mengenai Wawasa 2020 di Bandar Sunway di sini oleh perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Apa yang perlu sekarang untuk menstabilkan semula harga di BSKL ialah penglibatan pelabur institusi kerana mereka sahaja berkemampuan disebabkan sumber kewangan yang besar untuk memasuki semula pasaran, tambahnya.

Secara amnya, adalah dipersetujui bahawa para pelabur di BSKL mesti bersikap positif.

Semalam, Timbalan Gabenor Bank Negara Datuk Fong Weng Phak berkata para pelabur mesti melihat asas-asas ekonomi yang kukuh negara ini.

Katanya adalah tidak betul melihat kepada bursa lain yang mengalami kejatuhan pada masa ini.

Sambil berkata bahawa tidak terdapat perhubungan antara BSKL dengan Wall Street, alasan yang biasa digunakan oleh para pelabur apabila pasaran tempatan jatuh, katanya para pelabur mesti melihat pasaran secara jangka panjang.

Para penganalisis apabila dihubungi berkata adalah sukar menentukan selama mana keadaan sekarang akan kekal.

Bagaimanapun, mereka berkata ia akan mengambil sedikit masa untuk menyerap petunjuk-petunjuk baru termasuk jaminan dan asas-asas ekonomi.

Salah seorang penganalisis yang lebih optimis berkata masanya kini sudah matang bagi para pelabur memasuki semula pasaran kerana harga telah menjunam terlalu rendah kebelakangan ini. -- BERNAMA

SHY OS/MA sia